

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN  
(KAMPAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.06.2015**

**Y.B. DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan:-

- a. jumlah wang yang dibelanjakan untuk menukar dari Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) kepada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) oleh Kerajaan; dan
- b. jumlah wang yang dibelanjakan oleh sektor swasta untuk beralih ke sistem GST.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah sistem Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) sebelum ini, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menggunakan dua kaedah kutipan hasil iaitu sama ada melalui Sistem Maklumat Kastam (SMK) atau secara manual. JKDM negeri kebanyakan menggunakan kutipan secara manual kerana sistem SMK hanya terdapat di JKDM Pusat dan beberapa negeri tertentu. Melihat kepada kelemahan sistem SST ini, Kerajaan telah membangunkan sistem MyGST bagi melancarkan kutipan hasil GST dengan lebih sistematik dan terurus. Selain itu, sistem MyGST juga berfungsi untuk membayar input cukai yang dituntut oleh perniagaan yang berdaftar GST. Setelah lebih sebulan GST dilaksanakan, didapati sistem ini telah berjalan dengan baik dan lancar. Kos keseluruhan bagi membangunkan sistem MyGST, pemberian geran latihan GST dan pemberian subsidi perisian perakaunan patuh GST kepada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) adalah hampir RM350 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai data perbelanjaan sektor swasta untuk menukar sistem bagi pelaksanaan GST. Namun, bagi membantu peniaga terutamanya mereka dibawah kategori

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Kerajaan telah menyediakan bantuan subsidi RM1,000 bagi pembelian perisian perakaunan patuh GST kepada PKS yang layak dengan peruntukkan RM150 juta. Dengan bantuan ini, Kerajaan berharap dapat mengurangkan beban pelaksanaan GST kepada PKS tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]**

**TARIKH : 08 JUN 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 31**

**Tuan Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini misi pencarian MH370, setelah lebih setahun pencarian dilakukan berapakah kos keseluruhan yang terlibat setakat hari ini bagi membiayai keseluruhan misi pencarian terbesar dunia ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mendapatkan semula MH370 telah dibahagikan kepada 4 fasa utama iaitu Fasa Transisi (*Transition Phase*), Fasa Ukur Batimetrik (*Bathymetric Survey Phase*), Fasa Pencarian Laut Dalam (*Deep Sea Search Phase*) dan Fasa Dapatan Semula (*Recovery Phase*). Fasa Transisi telah berakhir pada 31 Mei 2014 tanpa sebarang serpihan atau bangkai pesawat yang dijumpai.

Operasi pencarian laut dalam di kawasan pencarian utama yang diketuai oleh *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB) menggunakan kapal *Fugro Discovery*, *Fugro Equator*, *Fugro Supporter* dan *GO Phoenix* telah dilaksanakan bermula akhir bulan September 2014 dan diteruskan untuk tempoh 12 bulan. Kapal-kapal ini yang dilengkapi *side scan sonar*, *synthetic aperture sonar*, *multi-beam echo sounder* dan *video camera* akan digunakan untuk mengenal pasti lokasi dan identiti pesawat MH370.

Sehingga 8 Mei 2015, operasi pencarian laut dalam telah dilaksanakan dalam kawasan pencarian yang merangkumi kawasan seluas 45,000 km persegi.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga bulan Disember 2014, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM79,031,905.76** dalam operasi pencarian pesawat MH370.

Walau bagaimanapun, anggaran kos keseluruhan bagi misi pencarian tersebut tidak dapat ditentukan kerana operasi pencarian masih lagi dilaksanakan.